Updated as of July 2026

Insurance Services Terms And Conditions (Boost Insurance Car Protect)

1. **General**

Your subscription and enrolment for any insurance policy provided by a third-party insurance company ("**Insurer**") via the Platform (as defined below) ("**Insurance Policy**") shall be governed by the terms and conditions appearing herein ("**T&C's**"). By completing the purchase, opt-in, or such other activity(ies) applicable for the subscription and enrolment of the Insurance Policy ("**Participation**"), you concurrently agree to accept and act according to this T&C's.

2. Your Participation in the Insurance Policy via the online platform is made available by Boost Credit (either directly or indirectly via collaboration with Boost Credit's partners) ("**Platform**").

2.1. We, **Axiata Digital Capital Sdn. Bhd.** (Company No.:201601006143 (1177069-D) (Corporate Agency license number: 8001305 for Life Insurance; MAMKL0037 for General Insurance and 9000001 for Family Takaful) (also known as "Boost Credit", "we", "us", "our") offer a service that allows you to subscribe and enroll for the Insurance Policy pursuant to your Participation of the available products and services provided by the Insurer on the Platform ("**Service**"). Our service is provided free of charge.

2.2. Any reference to "you" or "your" shall mean the individual and/or entity that participate, subscribe, register, purchase, opt-in, sign up, uses, performs, or avails of any products or services that are available on the Platform from time to time.

2.3. We additionally allow you to get assistance (such as over the telephone) on questions relating to the insurance services, including making a claim, cancellation, etc., related to your insurance. As in clause 2.1 above, we do not charge any fee for this assistance. You understand that as solely determined by us, we will obtain the Insurers' direction in relation to any of the assistance that we may provide to you.

2.4. Please bear in mind that it is solely your responsibility to check the suitability of the Insurance Policy for you and that it is your voluntary decision to participate or refrain from Participation in the Insurance Policy. You understand that your Participation is subject to your full compliance to the eligibility as described under the respective terms and conditions of the Insurance Policy, this T&C's, and any other terms that may be informed to you.

2.5 Please note that nothing in this T&C's or elsewhere shall represent, or shall be deemed to represent, a proposal by us to you in your choice of Participation in any insurance product or service or to enter into any contract with you in respect of any insurance product or service.

2.6 We act as an intermediary, not as an Insurer, to ensure the smooth enrolment and

subsequent enjoyment of the Insurance Policy. By giving us your details, you are expressing your interest and making a proposal of your Participation via the Platform for the Insurance Policy from the relevant Insurer based on its terms and conditions. Note that your Participation in the Insurance Policy on the Platform does not indicate a contract between you as the insured and Boost Credit as the insurer. Rather, the contract for the Insurance Policy is solely between you and the relevant Insurer. This T&C's apply to the Service and does not change or alter any other contract or agreement between you and the Insurer.

2.7 You are advised to directly contact the Insurer to name your nominee(s) immediately after your successful Participation in the Insurance Policy on the Platform. You may also contact the Insurer directly with matters concerning claims, cancellations, etc.

2.8 Boost Credit does not guarantee the approval or payment of any claim under any Insurance Policy. All claims are subject to the Insurer's assessment and approval procedures.

3. Insurance Policy - Product Description

By your Participation, you agree to have read and confirm your acceptance to the Insurance Policy which includes:

1) Master Group Policy ("**Master Policy**");
2) Product Disclosure Sheet ("**PDS**");
3) Frequently Asked Questions ("**FAQ**");
4) Privacy Policy; and
5) Related documents, if any.

You understand that the insurance product and service relevant to the Insurance Policy is regularly reviewed and revised as determined by the Insurer. Where applicable, your Insurance Policy documents will be delivered to the e-mail address that you have provided to us.

4. Permitted Use

(a) Your access to, Participation in, and use of this Service and the Platform for any commercial purpose or otherwise (either directly or indirectly) for profit or gain is strictly prohibited.

(b) In addition to the prohibitions set out in our Terms of Use, you shall not use the Service:

(i) in any unlawful, or fraudulent manner;

(ii) to produce, check, confirm, update, modify or amend your own or another person's databases, records or directories;

(iii) to alter or reverse engineer any part of your Participation, this Service or the Platform;

(iv) in a way that interferes with, disrupts, or imposes an unreasonable or disproportionately large burden on our communications and technical systems as determined by us; and

(v) using any automatic computer code, process, program, robot, net crawler, spider, data processing, trawling, or alternative 'screen scraping' computer code, process, program, or system.

5. **Intellectual Property Rights**

The copyright of the data, content, material, or information displayed including trademarks, service marks, trade names, and logos, and UI/UX elements are proprietary and belong exclusively to Boost Credit or are used by Boost Credit with the permission of its third party providers. You can print, copy, transfer or store extracts of content, material, or information displayed on the Platform for your personal records provided that you abide by the following conditions:

(a) it cannot be used for any business or commercial functions, promotional or otherwise, without our written permission;

(b) images displayed are protected by copyright and will not be reproduced or taken in any way without the written permission of the various owner(s) and licensors. Any image or text permitted should retain any copyright or alternative property notices contained within the original; and

(c) no modification to the paper or digital copies of such data, content, material, or information. It shall not be excerpted, reproduced, published, used, reformatted, and/or displayed without our written permission.

6. **Exclusions of liability**

(a) We make all reasonable efforts to ensure that the information, material, and knowledge displayed on the Platform is correct and to rectify any errors or omissions as soon as practicable when being notified of them. It is intended for general informational purposes only. However, we are not accountable if the information, material, and knowledge from a third party (including the Insurer) are inaccurate or if there are any errors or omissions within the data, material, and information.

(b) You expressly understand and agree that the insurance products and services, the Service, and the Platform are provided on an "as is" and "as available" basis. We expressly exclude and disclaim any representations, warranties, or

endorsements express or implied, written or oral, including but not limited to any warranty of quality, merchantability, or fitness for a particular purpose in respect of such insurance products and services, the Service and the Platform.

(c) We hold no responsibility for losses or damages arising from an inability to access the Service and/or the Platform that is beyond our control.

(d) We are an intermediary that makes your engagement with the Insurer more efficient. We are not accountable or to blame for any indirect losses or damages suffered or incurred by you or those which were not predictable when you access or use the enrolment services. This includes any loss of savings you expect to make, loss of business or business opportunity, loss of profit or revenue, or for any loss or damage you may suffer or incur in connection with your use of our enrolment services which was not foreseeable by us when you used our enrolment services.

(e) The data and descriptions of the Insurance Policy provided might not represent the entire descriptions of all the information and terms and conditions of the Insurance Policy. You should carefully read all the terms and conditions of the Insurance Policy contained in the Master Policy, PDS, FAQ, and related documents, if any, in respect of the Insurance Policy.

(f) Pursuant to your Participation in the Insurance Policy, you will be in an engagement with the Insurer on its terms and conditions. It is solely your responsibility to make sure that you agree to those terms and conditions before entering into such an Insurance Policy. We are not accountable or to be liable for any loss or harm you will suffer or incur as a result of the terms and conditions applying to any contract entered into by you with the Insurer in respect of the Insurance Policy or for any acts, omissions, errors or defaults of any third party in reference to those terms and conditions.

(g) We do not in any circumstances act as an insurer nor guarantee or warrant the solvency of any Insurer.

(h) We reserve the absolute right to decline or to accept your Participation for an Insurance Policy without assigning any reasons whatsoever. Any refunds (if applicable) subsequent is subject to the terms and conditions of the Insurance Policy and its related documents.

7. Your responsibilities

(a) You have taken all necessary precautions to make sure that any data, content, material, or information you offer are true, complete, accurate, not misleading, free from viruses, spyware, malicious software, and anything which can have a contaminating, harmful or damaging impact on any part of your Participation, this enrolment services, the Platform, the Services or the Insurance Policy. Should there be any changes in this information, you will immediately provide

the updated information to the Insurer or Boost Credit in writing.

(b) The personal information, including username and password, provided by you during your Participation should be kept confidential by you and not be disclosed to or shared with anyone. If you choose to share these details with anyone, you are entirely liable for all activities undertaken using your username and password.

(c) You shall at all times comply with any and all applicable laws, rules, directives, regulations, policies, procedures, code of conduct, declaration, guidelines, and/or requirements, including all amendments and variations thereof, whether expressly provided by us, the Insurer or by an authority.

(d) You shall always comply and shall ensure that you, your directors, employees, representatives, agents, and sub-contractors comply with the applicable laws and regulations concerning bribery, corruption, fraud, anti-money laundering, and any other prohibited business practices in any jurisdiction including but not limited to the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, the U.S. Foreign Corrupt Practice Act of 1977 and the United Kingdom Bribery Act of 2010 as well as all other applicable laws, rules, regulations, ordinances, and codes and any anti-bribery and anti-corruption terms or policies that apply to you or Boost Credit from time to time. You must keep accurate and complete records and supporting documentation to demonstrate that you are in compliance with this provision and you agree to allow Boost Credit or the relevant authorities or both to access and inspect your books and records to audit and verify your compliance. You shall promptly notify Boost Credit if you become aware of a breach and you agree that any non-compliance shall be deemed as a material breach of this provision. Upon any breach of this provision, Boost Credit may immediately reject, disqualify, invalidate, terminate your Participation without any ensuing obligations or liabilities.

(e) You hereby agree to fully indemnify, defend and hold Boost Credit, our officers, directors, employees, agents, and servants harmless against all damages, losses, expenses, and costs (including legal costs and disbursements) which we may have suffered or incurred, whether directly or indirectly, in connection with or as a result of your breach of any of the provisions under this T&C's.

(f) Throughout your use of the Platform and the Service, we may collect and use information about you in accordance with our Privacy Policy. You undertake and confirm that you have read, understood, and agree that this T&C's and the Privacy Policy are legally binding and come into force and be effective immediately upon your use of the Platform and Service.

(g) You shall at all times exercise all reasonable skill, care, and diligence in the discharge of your obligations.

(h) You have duly obtained and shall ensure that you shall obtain all necessary

consents, licenses, intellectual property rights, and authorisations to participate, propose, offer, and undertake your role and responsibilities.

(i) At all times, it is your responsibility to ensure that the sum insured values and policy limits are adequate and reflect your current, continuing, and future requirements.

(j) You agree that it is your responsibility at all times to follow any updates on the Insurance Policy and this T&C's.

8. **Miscellaneous**

(a) Any claim or notice under this T&C's from Boost Credit to you may be provided in writing through letters, emails, or short messaging service, in-app, or other such notifications and where applicable, is to be signed by any authorized officer or law firms acting on behalf of Boost Credit. Any claim or notice if delivered via post is to be considered received by you five (5) days after postage and delivery by a person is to be considered received on delivery time, even if the claim or notice is returned due to non-delivery or unclaimed.

(b) Notices that need to be given to Boost Credit under this T&C's are to be in writing, signed by you, and emailed to Boost Credit at creditinfo@myboost.co.

(c) Boost Credit is not required to perform its obligations if it is prohibited from doing so as a direct or indirect result of any natural disasters, pandemic, riots, public unrests, terrorist acts, labor strikes, lockout, fires, floods, accidents, machine or computer failures/computer system or anything out of the reasonable control of Boost Credit.

(d) This T&C's are subject to and are to be interpreted according to the laws of Malaysia and the parties hereby agree to be subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia to hear and determine any dispute or differences out of and/or in connection to this T&C's.

(e) If you have any complaint relating to the Services rendered with regards to the Participation, you may contact us through creditinfo@myboost.co. We will investigate and respond in accordance with our complaints handling procedures. If you remain dissatisfied, you may refer the matter to Bank Negara Malaysia at bnmtelelink@bnm.gov.my or reach out to Financial Markets Ombudsman Service (where applicable).

(f) In the event of any inconsistencies between this T&C and its translation in any other language, the English language version of this T&C shall supersede and prevail over any other language.

(g) This T&C's are binding upon the successors, representatives, and replacement (where required or applicable) of the parties herein.

(h) Boost Credit may exercise any of its rights, powers, and/or remedies available as Boost Credit considers appropriate, in addition to any other rights and remedies provided to Boost Credit by law. In the event Boost Credit does not take any action when it has the right to do so, it will not mean that Boost Credit has:

- agreed to your breaches;
- forfeited its rights in law or equity; or
- is prohibited/estopped from taking any actions thereafter.

(i) Where Boost Credit has expressly waived a breach in writing, it will not affect the enforcement of Boost Credit's rights, powers, and remedies for any other breaches committed by you, whether it happens before or after the waiver.

(j) Boost Credit has the right at any time, by giving notice, to add, change, sever, modify, replace or amend all or any parts of this T&C's. You are bound by any such revisions. Your access and use will be subject to the most current version of the T&C's. Your continued use after such revised T&C's are made available will signify your acceptance of such revised T&C's and your agreement to be bound by them.

(k) Boost Credit shall be entitled at any time or from time to time to assign or transfer or effect a sub-participation of all or any of its rights and/or obligations hereunder or any part hereof for any purpose or reason whatsoever to such person or persons in such manner and on such terms as it may in its absolute discretion think fit. You are prohibited from assigning or transferring your rights and interests or obligations under this T&C's or any part thereof to any person without Boost Credit's consent being first had and obtained.

(l) If any term in this T&C's is or becomes invalid, illegal, or unenforceable in any respect under the applicable laws, the validity, legality, and enforceability of other terms shall not be affected or impaired in any way.

[end of document]

Terma Dan Syarat Perkhidmatan Insurans

1. Umum

Langganan dan pendaftaran anda untuk mana-mana polisi insurans yang disediakan oleh syarikat insurans pihak ketiga ("**Penginsurans**") melalui Platform (seperti yang ditakrifkan di bawah) ("**Polisi Insurans**") hendaklah dikawal selia oleh terma dan syarat yang tertera di sini ("**T&S**"). Dengan melengkapkan pembelian, ikut serta (**opt-in**), atau apa-apa aktiviti lain yang terpakai untuk langganan dan pendaftaran Polisi Insurans ("**Penyertaan**"), anda secara serentak bersetuju untuk menerima dan bertindak mengikut T&S ini.

2. Penyertaan anda dalam Polisi Insurans melalui platform dalam talian disediakan oleh Boost Credit (sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui kerjasama dengan rakan kongsi Boost Credit) ("**Platform**").

2.1. Kami, **Axiata Digital Capital Sdn. Bhd.** (No. Syarikat: 201601006143 (1177069-D) (Nombor lesen Agensi Korporat: 8001305 untuk Insurans Hayat; MAMKL0037 untuk Insurans Am dan 9000001 untuk Takaful Keluarga) (juga dikenali sebagai "Boost Credit", "kami") menawarkan perkhidmatan yang membolehkan anda melanggan dan mendaftar untuk Polisi Insurans berikutan Penyertaan anda dalam produk dan perkhidmatan yang tersedia yang disediakan oleh Penginsurans di Platform ("**Perkhidmatan**"). Perkhidmatan kami disediakan secara percuma.

2.2. Sebarang rujukan kepada "anda" hendaklah bermaksud individu dan/atau entiti yang menyertai, melanggan, mendaftar, membeli, ikut serta, mendaftar masuk, menggunakan, melaksanakan, atau memanfaatkan mana-mana produk atau perkhidmatan yang tersedia di Platform dari semasa ke semasa.

2.3. Kami juga membenarkan anda untuk mendapatkan bantuan (seperti melalui telefon) mengenai soalan-soalan yang berkaitan dengan perkhidmatan insurans, termasuk membuat tuntutan, pembatalan, dsb., yang berkaitan dengan insurans anda. Seperti di klausa 2.1 di atas, kami tidak mengenakan sebarang bayaran untuk bantuan ini. Anda memahami bahawa seperti yang ditentukan secara mutlak oleh kami, kami akan mendapatkan arahan Penginsurans berhubung dengan sebarang bantuan yang mungkin kami berikan kepada anda.

2.4. Sila ambil perhatian bahawa adalah menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya untuk menyemak kesesuaian Polisi Insurans untuk anda dan bahawa ia adalah keputusan sukarela anda untuk membuat Penyertaan atau menahan diri daripada Penyertaan dalam Polisi Insurans. Anda memahami bahawa Penyertaan anda adalah tertakluk kepada pematuhan penuh anda terhadap kelayakan seperti yang diterangkan di bawah terma dan syarat Polisi Insurans masing-masing, T&S ini, dan mana-mana terma lain yang mungkin dimaklumkan kepada anda.

2.5 Sila ambil perhatian bahawa tiada apa-apa dalam T&S ini atau di tempat lain yang akan mewakili, atau akan dianggap mewakili, satu cadangan oleh kami kepada anda

dalam pilihan Penyertaan anda dalam mana-mana produk atau perkhidmatan insurans atau untuk memasuki sebarang kontrak dengan anda berkenaan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan insurans.

2.6 Kami bertindak sebagai perantara, bukan sebagai Penginsurans, untuk memastikan kelancaran pendaftaran dan penikmatan Polisi Insurans yang seterusnya. Dengan memberikan butiran anda kepada kami, anda menyatakan minat anda dan membuat cadangan Penyertaan anda melalui Platform untuk Polisi Insurans daripada Penginsurans yang berkaitan berdasarkan terma dan syaratnya. Ambil perhatian bahawa Penyertaan anda dalam Polisi Insurans di Platform tidak menunjukkan kontrak antara anda sebagai pihak yang diinsuranskan dan Boost Credit sebagai penginsurans. Sebaliknya, kontrak untuk Polisi Insurans adalah semata-mata antara anda dan Penginsurans yang berkaitan. T&S ini terpakai kepada Perkhidmatan dan tidak mengubah atau meminda mana-mana kontrak atau perjanjian lain antara anda dan Penginsurans.

2.7 Anda dinasihatkan untuk menghubungi Penginsurans secara langsung untuk menamakan penama anda dengan segera selepas Penyertaan anda yang berjaya dalam Polisi Insurans di Platform. Anda juga boleh menghubungi Penginsurans secara langsung berkaitan perkara-perkara yang melibatkan tuntutan, pembatalan, dsb.

2.8 Boost Credit tidak menjamin kelulusan atau pembayaran sebarang tuntutan di bawah mana-mana Polisi Insurans. Semua tuntutan adalah tertakluk kepada prosedur penilaian dan kelulusan Penginsurans.

3. Polisi Insurans - Penerangan Produk

Melalui Penyertaan anda, anda bersetuju bahawa anda telah membaca dan mengesahkan penerimaan anda terhadap Polisi Insurans yang merangkumi:

1) Polisi Kumpulan Induk ("**Polisi Induk**");
2) Helaian Pendedahan Produk **("PDS**");
3) Soalan Lazim ("**FAQ**");
4) Dasar Privasi; dan
5) Dokumen-dokumen berkaitan, jika ada.

Anda memahami bahawa produk dan perkhidmatan insurans yang relevan dengan Polisi Insurans sentiasa disemak dan dipinda seperti yang ditentukan oleh Penginsurans. Jika terpakai, dokumen Polisi Insurans anda akan dihantar ke alamat e-mel yang telah anda berikan kepada kami.

4. Penggunaan yang Dibenarkan

(a) Akses anda kepada, Penyertaan dalam, dan penggunaan Perkhidmatan ini dan Platform untuk sebarang tujuan komersial atau sebaliknya (sama ada secara langsung atau tidak langsung) untuk keuntungan atau perolehan adalah dilarang sama sekali.

(b) Sebagai tambahan kepada larangan yang dinyatakan dalam Terma Penggunaan

kami, anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan:
(i) dalam apa-apa cara yang menyalahi undang-undang, atau berunsur penipuan;
(ii) untuk menghasilkan, menyemak, mengesahkan, mengemas kini, mengubah suai atau meminda pangkalan data, rekod atau direktori anda sendiri atau orang lain;
(iii) untuk mengubah atau menterbalikkan kejuruteraan (reverse engineer) mana-mana bahagian Penyertaan anda, Perkhidmatan ini atau Platform;
(iv) dalam cara yang mengganggu, menjejaskan, atau mengenakan beban yang tidak munasabah atau tidak seimbang ke atas sistem komunikasi dan teknikal kami seperti yang ditentukan oleh kami; dan
(v) menggunakan sebarang kod komputer automatik, proses, program, robot, perangkak rangkaian (net crawler), lelabah (spider), pemprosesan data, pukat tunda (trawling), atau kod komputer, proses, program, atau sistem 'pengikisan skrin' (screen scraping) alternatif.

5. Hak Harta Intelek

Hak cipta data, kandungan, bahan, atau maklumat yang dipaparkan termasuk tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagangan, dan logo, serta elemen UI/UX adalah hak milik dan kepunyaan eksklusif Boost Credit atau digunakan oleh Boost Credit dengan kebenaran penyedia pihak ketiganya. Anda boleh mencetak, menyalin, memindahkan atau menyimpan ekstrak kandungan, bahan, atau maklumat yang dipaparkan di Platform untuk rekod peribadi anda dengan syarat anda mematuhi syarat-syarat berikut:

(a) ia tidak boleh digunakan untuk sebarang fungsi perniagaan atau komersial, promosi atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis kami;
(b) imej yang dipaparkan dilindungi oleh hak cipta dan tidak akan diterbitkan semula atau diambil dalam apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada pelbagai pemilik dan pemberi lesen. Sebarang imej atau teks yang dibenarkan hendaklah mengekalkan sebarang notis hak cipta atau harta alternatif yang terkandung dalam dokumen asal; dan
(c) tiada pengubahsuaian pada salinan kertas atau digital data, kandungan, bahan, atau maklumat tersebut. Ia tidak boleh dipetik, diterbitkan semula, disiarkan, digunakan, diformat semula, dan/atau dipaparkan tanpa kebenaran bertulis kami.

6. Pengecualian Liabiliti

(a) Kami mengambil segala usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat, bahan, dan pengetahuan yang dipaparkan di Platform adalah betul dan untuk membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan secepat mungkin apabila dimaklumkan mengenainya. Ia bertujuan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Walau bagaimanapun, kami tidak bertanggungjawab jika maklumat, bahan, dan pengetahuan daripada pihak ketiga (termasuk Penginsurans) adalah tidak tepat atau jika terdapat sebarang kesilapan atau peninggalan dalam data, bahan, dan maklumat tersebut.

(b) Anda secara nyata memahami dan bersetuju bahawa produk dan perkhidmatan insurans, Perkhidmatan, dan Platform disediakan atas dasar "seadanya" dan "sebagaimana tersedia". Kami secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang

representasi, waranti, atau pengesahan secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang waranti kualiti, kebolehdagangan, atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan produk dan perkhidmatan insurans tersebut, Perkhidmatan dan Platform.

(c) Kami tidak memikul sebarang tanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang timbul daripada ketidakmampuan untuk mengakses Perkhidmatan dan/atau Platform yang berada di luar kawalan kami.

(d) Kami adalah perantara yang menjadikan penglibatan anda dengan Penginsurans lebih cekap. Kami tidak bertanggung jawab atau boleh dipersalahkan atas sebarang kerugian atau kerosakan tidak langsung yang dialami atau ditanggung oleh anda atau yang tidak dapat diramalkan apabila anda mengakses atau menggunakan perkhidmatan pendaftaran. Ini termasuk sebarang kerugian simpanan yang anda jangka akan perolehi, kerugian perniagaan atau peluang perniagaan, kerugian keuntungan atau hasil, atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami atau tanggung berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan pendaftaran kami oleh anda yang tidak dapat diramalkan oleh kami semasa anda menggunakan perkhidmatan pendaftaran kami.

(e) Data dan penerangan Polisi Insurans yang disediakan mungkin tidak mewakili keseluruhan penerangan bagi semua maklumat dan terma dan syarat Polisi Insurans. Anda harus membaca dengan teliti semua terma dan syarat Polisi Insurans yang terkandung dalam Polisi Induk, PDS, FAQ, dan dokumen berkaitan, jika ada, berkenaan dengan Polisi Insurans.

(f) Berikutan Penyertaan anda dalam Polisi Insurans, anda akan berada dalam satu penglibatan dengan Penginsurans berdasarkan terma dan syaratnya. Adalah menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya untuk memastikan bahawa anda bersetuju dengan terma dan syarat tersebut sebelum memasuki Polisi Insurans sedemikian. Kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungan atas sebarang kerugian atau kemudaratan yang akan anda alami atau tanggung akibat daripada terma dan syarat yang terpakai kepada mana-mana kontrak yang dimeterai oleh anda dengan Peng insurans berkenaan dengan Polisi Insurans atau untuk sebarang tindakan, peninggalan, kesilapan atau keingkaran mana-mana pihak ketiga yang merujuk kepada terma dan syarat tersebut.

(g) Kami tidak dalam apa jua keadaan bertindak sebagai penginsurans mahupun menjamin atau mewaranti kesolvenan mana-mana Penginsurans.

(h) Kami berhak secara mutlak untuk menolak atau menerima Penyertaan anda untuk sesuatu Polisi Insurans tanpa memberikan apa-apa sebab sekalipun. Sebarang bayaran balik (jika terpakai) yang berikutnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Insurans dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya.

7. Tanggungjawab Anda

(a) Anda telah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang perlu untuk memastikan

bahawa apa-apa data, kandungan, bahan, atau maklumat yang anda tawarkan adalah benar, lengkap, tepat, tidak mengelirukan, bebas daripada virus, perisian intip (*spyware*), perisian berniat jahat (*malicious software*), dan apa-apa sahaja yang boleh memberi kesan pencemaran, kemudaratan atau kerosakan pada mana-mana bahagian Penyertaan anda, perkhidmatan pendaftaran ini, Platform, Perkhidmatan atau Polisi Insurans. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat ini, anda akan segera memberikan maklumat yang dikemas kini kepada Penginsurans atau Boost Credit secara bertulis.

(b) Maklumat peribadi, termasuk nama pengguna dan kata laluan, yang diberikan oleh anda semasa Penyertaan anda hendaklah dirahsiakan oleh anda dan tidak didedahkan kepada atau dikongsi dengan sesiapa sahaja. Jika anda memilih untuk berkongsi butiran ini dengan sesiapa sahaja, anda bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua aktiviti yang dijalankan menggunakan nama pengguna dan kata laluan anda.

(c) Anda hendaklah pada setiap masa mematuhi mana-mana dan semua undang-undang, peraturan, arahan, regulasi, dasar, prosedur, kod kelakuan, pengisytiharan, garis panduan, dan/atau keperluan yang terpakai, termasuk semua pindaan dan variasi kepadanya, sama ada yang diperuntukkan secara nyata oleh kami, Penginsurans atau oleh pihak berkuasa.

(d) Anda hendaklah sentiasa mematuhi dan hendaklah memastikan bahawa anda, pengarah, pekerja, wakil, ejen, dan subkontraktor anda mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai mengenai rasuah, korupsi, penipuan, pencegahan pengubahan wang haram, dan apa-apa amalan perniagaan terlarang yang lain dalam mana-mana bidang kuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Asing A.S. 1977 (*U.S. Foreign Corrupt Practice Act of 1977*) dan Akta Rasuah United Kingdom 2010 (*United Kingdom Bribery Act of 2010*) serta semua undang-undang, peraturan, regulasi, ordinan, dan kod yang terpakai dan apa-apa terma atau dasar pencegahan rasuah dan pencegahan korupsi yang terpakai kepada anda atau Boost Credit dari semasa ke semasa. Anda mesti menyimpan rekod dan dokumentasi sokongan yang tepat dan lengkap untuk membuktikan bahawa anda mematuhi peruntukan ini dan anda bersetuju untuk membenarkan Boost Credit atau pihak berkuasa yang berkaitan atau kedua-duanya untuk mengakses dan memeriksa buku dan rekod anda untuk mengaudit dan mengesahkan pematuhan anda. Anda hendaklah segera memaklumkan kepada Boost Credit jika anda menyedari tentang sesuatu pelanggaran dan anda bersetuju bahawa sebarang ketidakpatuhan akan dianggap sebagai pelanggaran material terhadap peruntukan ini. Apabila berlaku sebarang pelanggaran peruntukan ini, Boost Credit boleh dengan segera menolak, membatalkan kelayakan, membatalkan kesahan, menamatkan Penyertaan anda tanpa sebarang kewajipan atau liabiliti yang berikutan.

(e) Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya, membela dan memastikan Boost Credit, pegawai, pengarah, pekerja, ejen, dan pekhidmat kami tidak memudaratkan terhadap semua kerosakan, kerugian, perbelanjaan, dan kos (termasuk kos guaman dan pengeluaran) yang mungkin kami alami atau tanggung, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan atau akibat daripada

pelanggaran anda terhadap mana-mana peruntukan di bawah T&S ini.

(f) Sepanjang penggunaan Platform dan Perkhidmatan oleh anda, kami mungkin mengumpul dan menggunakan maklumat tentang anda selaras dengan Dasar Privasi kami. Anda berjanji dan mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami, dan bersetuju bahawa T&S ini dan Dasar Privasi mengikat di sisi undang-undang dan berkuat kuasa serta berkesan serta-merta apabila anda menggunakan Platform dan Perkhidmatan.

(g) Anda hendaklah pada setiap masa melaksanakan segala kemahiran, penjagaan, dan ketekunan yang munasabah dalam melaksanakan kewajipan anda.

(h) Anda telah memperoleh dengan sewajarnya dan hendaklah memastikan bahawa anda akan memperoleh semua persetujuan, lesen, hak harta intelek, dan kebenaran yang perlu untuk menyertai, mencadangkan, menawarkan, dan melaksanakan peranan dan tanggungjawab anda.

(i) Pada setiap masa, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa nilai jumlah yang diinsuranskan dan had polisi adalah mencukupi dan mencerminkan keperluan semasa, berterusan, dan masa depan anda.

(j) Anda bersetuju bahawa adalah menjadi tanggungjawab anda pada setiap masa untuk mengikuti sebarang kemas kini mengenai Polisi Insurans dan T&S ini.

8. Pelbagai

(a) Sebarang tuntutan atau notis di bawah T&S ini daripada Boost Credit kepada anda boleh diberikan secara bertulis melalui surat, e-mel, atau perkhidmatan pesanan ringkas, dalam aplikasi, atau pemberitahuan lain sedemikian dan jika terpakai, hendaklah ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau firma guaman yang bertindak bagi pihak Boost Credit. Sebarang tuntutan atau notis jika dihantar melalui pos akan dianggap telah diterima oleh anda lima (5) hari selepas pengeposan dan penghantaran oleh seseorang akan dianggap telah diterima pada masa penghantaran, walaupun tuntutan atau notis tersebut dikembalikan kerana tidak dapat dihantar atau tidak dituntut.

(b) Notis yang perlu diberikan kepada Boost Credit di bawah T&S ini hendaklah secara bertulis, ditandatangani oleh anda, dan di e-mel kepada Boost Credit di creditinfo@myboost.co.

(c) Boost Credit tidak dikehendaki untuk melaksanakan kewajipannya jika ia dilarang daripada berbuat demikian sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang bencana alam, pandemik, rusuhan, kekacauan awam, tindakan pengganas, mogok buruh, sekat masuk (*lockout*), kebakaran, banjir, kemalangan, kegagalan mesin atau komputer/sistem komputer atau apa-apa sahaja di luar kawalan munasabah Boost Credit.

(d) T&S ini adalah tertakluk kepada dan hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia untuk mendengar dan menentukan sebarang pertikaian atau perbezaan yang timbul daripada dan/atau berkaitan dengan T&S ini.

(e) Jika anda mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan Perkhidmatan yang diberikan berkenaan dengan Penyertaan, anda boleh menghubungi kami melalui creditinfo@myboost.co. Kami akan menyiasat dan memberi maklum balas selaras dengan prosedur pengendalian aduan kami. Jika anda masih tidak berpuas hati, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada Bank Negara Malaysia di bnmtelelink@bnm.gov.my atau menghubungi Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (jika terpakai).

(f) Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara T&S ini dan terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain, versi bahasa Inggeris T&S ini hendaklah mengatasi dan diguna pakai berbanding mana-mana bahasa lain.

(g) T&S ini mengikat pengganti, wakil, dan pengganti (jika dikehendaki atau terpakai) pihak-pihak di sini.

(h) Boost Credit boleh melaksanakan mana-mana hak, kuasa, dan/atau remedi yang tersedia sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Boost Credit, sebagai tambahan kepada mana-mana hak dan remedi lain yang diberikan kepada Boost Credit oleh undang-undang. Sekiranya Boost Credit tidak mengambil sebarang tindakan apabila ia mempunyai hak untuk berbuat demikian, ia tidak akan bermakna bahawa Boost Credit telah:

- bersetuju dengan pelanggaran anda;
- melucuthakkan haknya di sisi undang-undang atau ekuiti; atau
- dilarang/dihalang (*estopped*) daripada mengambil sebarang tindakan selepas itu.

(i) Jika Boost Credit telah secara nyata mengetepikan sesuatu pelanggaran secara bertulis, ia tidak akan menjejaskan penguatkuasaan hak, kuasa, dan remedi Boost Credit untuk mana-mana pelanggaran lain yang dilakukan oleh anda, sama ada ia berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.

(j) Boost Credit mempunyai hak pada bila-bila masa, dengan memberikan notis, untuk menambah, menukar, memisahkan, mengubah suai, menggantikan atau meminda semua atau mana-mana bahagian T&S ini. Anda terikat dengan sebarang semakan sedemikian. Akses dan penggunaan anda akan tertakluk kepada versi T&S yang paling terkini. Penggunaan berterusan anda selepas T&S yang disemak sedemikian disediakan akan menandakan penerimaan anda terhadap T&S yang disemak sedemikian dan persetujuan anda untuk terikat dengannya.

(k) Boost Credit berhak pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa untuk menyerah hak atau memindahkan atau melaksanakan sub-penyertaan semua atau

mana-mana hak dan/atau kewajipannya di bawah ini atau mana-mana bahagian daripadanya untuk sebarang tujuan atau sebab sekalipun kepada orang atau orang-orang sedemikian dalam cara sedemikian dan atas terma sedemikian sebagaimana yang difikirkannya sesuai mengikut budi bicara mutlaknya. Anda dilarang daripada menyerah hak atau memindahkan hak dan kepentingan atau kewajipan anda di bawah T&S ini atau mana-mana bahagian daripadanya kepada mana-mana orang tanpa persetujuan Boost Credit diperoleh terlebih dahulu.

(l) Jika mana-mana terma dalam T&S ini adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa-apa aspek di bawah undang-undang yang terpakai, kesahan, keabsahan, dan kebolekuatkuasaan terma-terma lain tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara.

[Tamat dokumen]